

UTUSAN MALAYSIA

Asliza Musa

email: alyzamusa.nana@gmail.com

Tarikh: 22 Mac 2010

KEADAAN CUACA DI MALAYSIA

1. Adakah kemarau yang melanda negara telah berakhir dengan hujan yang turun sejak beberapa hari kebelakangan ini.

Beberapa kawasan di negara ini yang sebelum ini mengalami keadaan yang agak kering telah mula menerima hujan mulai minggu kedua bulan Mac 2010. Antara kawasan yang terlibat adalah termasuk Pahang, Terengganu, Kelantan, Johor, Negeri Sembilan, Kedah dan Perlis dan utara Sarawak. Jumlah hujan dijangka akan kembali normal di Semenanjung Malaysia mulai April 2010. Seluruh negeri Sarawak dijangka kembali menerima hujan pada paras purata untuk sepanjang tempoh April - Jun 2010.

Bagaimanapun, negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan masih dijangka mendapat hujan kurang daripada purata sehingga Mei 2010.

2. Adakah keadaan ini akan berterusan dan sehingga bila?

Musim peralihan monsun yang dijangka bermula pada hujung bulan Mac sehingga Mei akan membawa hujan terutamanya di negeri-negeri pantai barat Semenanjung. Hujan dan ribut petir biasanya berlaku di sebelah petang dan awal malam.

3. Mungkinkah terdapat tanda-tanda yang kemarau akan mula melanda negara semula?

Lazimnya Malaysia akan mengalami Monsun Barat Daya mulai bulan Jun sehingga September dan ianya merupakan musim kering bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung dan Sarawak. Justeru itu walaupun hujan telah mula turun di Semenanjung dan Sarawak namun orang ramai masih dinasihatkan untuk berjimat dalam penggunaan air.